

1610/SZ  
MAHATHIR

1978

PULAU PINANG, 9 JUN (BERNAMA) —DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD BERKATA PROGRAM RANCANGAN PERHUBUNGAN MASYARAKAT AKAN MENIMBULKAN KESEDARAN TENTANG PERLUNYA PERHUBUNGAN DI ANTARA RAKYAT DENGAN KERAJAAN MELALUI BIDANG PELAJARAN, KESIHATAN, SUKAN, KEBUDAYAAN, EKONOMI DAN KEMASYARAKATAN.

RANCANGAN PERHUBUNGAN MASYARAKAT ADALAH SALURAN PERHUBUNGAN DUA HALA DI ANTARA MASYARAKAT DENGAN KERAJAAN DAN KERAJAAN DENGAN MASYARAKAT.

RANCANGAN TERSEBUT JUGA MERUPAKAN SATU PUNCA UNTUK MENDAPAT MAKLUMATBALAS DARIPADA MASYARAKAT KEPADA KERAJAAN, TAMBAH DATUK SERI DR. MAHATHIR KETIKA BERUCAP MERASMIKAN PERSIDANGAN PERHUBUNGAN MASYARAKAT MALAYSIA KEDUA DI DEWAN SRI PINANG HARI INI. BELIAU MENAMBAH, MELALUI MAKLUMATBALAS ITU JENTERA KERAJAAN DAPAT BERGERAK LEBIH LICIN LAGI DALAM USAHA PEMBANGUNAN MASYARAKAT. JAWATANKUASA RANCANGAN PERHUBUNGAN MASYARAKAT AKAN MENGAMBIL ALIH TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB JAWATANKUASA MUHIBBAH YANG DITUBUH DENGAN CARA TERGESA-GESA DI WAKTU DARURAT DAHULU.

KEPUTUSAN ITU, MENURUT DR. MAHATHIR, DIBUAT DENGAN KERANA PENEGAKAN MUHIBBAH ANTARA KAUM MASIH PERLU TETAPI DI SAMPING ITU KITA BERKEHENDAKKAN PERHUBUNGAN MASYARAKAT YANG LEBIH BERKESAN DAN TERSUSUN. —BERSAMBUNG 1300/ZCM

MAHATHIR 2 PULAU PINANG

MEMANDANGKAN RANCANGAN PERHUBUNGAN MASYARAKAT INI MELIPUTI SEMUA BIDANG KEGIATAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT, IA PATUT DAN PERLU MENJADI PAYUNG KEPADA APA JUGA KEGIATAN PERHUBUNGAN MASYARAKAT DI TEMPAT ITU.

DR. MAHATHIR SETERUSNYA BERKATA, PELAKSANAAN RANCANGAN SEUMPAMA ITU SUDAH TENTU MEMERLUKAN KERJASAMA YANG IKHLAS DAN JUJUR DARI SETIAP ORANG, SETIAP AGENSI KERAJAAN DAN SWASTA DAN BADAN-BADAN SUKARELA YANG LAIN.

KESIMPULANNYA, RANCANGAN PERHUBUNGAN MASYARAKAT TALKA RANCANGAN YANG MEMBAWA ERTI SEBENAR MENGAJAK RAKYAT HIDUP BERDIKARI BAGI MENWUJUDKAN SEBUAH NEGARA YANG STABIL, AMAN DAN MAKMUR.

—MENYEDARI HAKIKAT TERSEBUT, KITA SEMUA HARUS SEDAR YANG NEGARA KITA MEMPUNYAI LEBIH RAMAI GOLONGAN YANG KURANG MAMPU DARI GOLONGAN YANG MAMPU DAN FALSAFAH HIDUP BERSAMA BOLEH DISIFATKAN SEBAGAI KUNCI UNTUK MENCAPAI KEMAKMURAN HIDUP YANG LEBIH SEMPURNA, + TAMBAHNYA.

KATANYA, PIHAK KERAJAAN JUGA MEMERLUKAN KERJASAMA RAKYAT SUPAYA SAMA-SAMA MEMBENTUK CORAK KEHIDUPAN MASA DEPAN UNTUK JENERASI AKAN DATANG.

MENGENAI PERSIDANGAN ITU, DR. MAHATHIR BERKATA BEBERAPA PERKARA PENTING YANG AKAN MEMBERIKAN SATU RUMUSAN TERHADAP KEPERLUAN RAKYAT DI DALAM HIDUP BERMASYARAKAT SESUAI DENGAN TEMPAT DAN KEADAAN SEKELILING AKAN DIBINCANGKAN. — BERSAMBUNG 1328/ZCM

### MAHATHIR 3 PULAU PINANG

KATANYA, +PROSES INTEGRASI MASYARAKAT BANDAR AKAN DITERIMA OLEH RAKYAT KALAU KITA DAPAT MEMBERIKAN DAYA PENARIK YANG BERMAKNA DAN SIMBOLIK YANG SENANG MEREKA PAHAMI. +

DR. MAHATHIR JUGA BERKATA, PROJEK-PROJEK KEBAJIKAN DAN KEGIATAN-KEGIATAN LAIN YANG DIANJURKAN HENDAKLAH DIKAITKAN DENGAN MATLAMAT NEGARA DI SAMPING MEMBERI KESEDARAN BAHAWA USAHA-USAHA YANG DIJALANKAN ITU AKAN MEMBAWA KEUNTUNGAN MASA DEPAN.

RANCANGAN PERHUBUNGAN MASYARAKAT DALAM MUSTAHAK DALAM SEMUA PROSES PEMBANGUNAN NEGARA KERANA LAZIMNYA DI KAWASAN-KAWASAN BANDAR TERDAPAT +CROSS-CURRENT+ KEMUDUPAN BERBAGAI-BAGAI KAUM. PERKARA ITU MEMERLUKAN PERHATIAN YANG ISTIMEWA.

KATANYA, PERKARA-PERKARA BERSANGKUT DENGAN PELUANG-PELUANG BEKERJA, TEMPAT KEDJAMAN, KEMUDAHAN PELAJARAN, MASALAH LALU-LINTAS DAN KEMUDAHAN REKREASI HENDAKLAH DIBERI KEUTAMAAN KERANA SEMUA ITULAH YANG AKAN MENENTUKAN KUALITI HIDUP YANG MEREKA IDAM-IDAMKAN.

DR. MAHATHIR AKHIRNYA MENYERU LEMBAGA PERPADUAN NEGARA SUPAYA MEMBERIKAN PERHATIAN PENUH KEPADA RANCANGAN YANG DIGIFATKAN TENAGA NEGARA ITU DAPAT BERGERAK DENGAN BAIK DAN MEMASTIKAN JUGA KEMUNGKINAN-KEMUNGKINAN ADANYA PENYALANGUNA JENTERA ITU ATAU PENYELEWENGAN-PENYELEWENGAN DARI GOLONGAN TERTENTU. --BERSAMBUNG 1330/AH

### MAHATHIR 4 PULAU PINANG

SERAMAI KIRA-KIRA 430 ORANG PEMIMPIN MASYARAKAT, TERDIRI DARIPADA PENERUSI-PENERUSI DAN SETIAUSAMA-SETIAUSAHA 26 MAJLIS PERHUBUNGAN MASYARAKAT SERTA PENERUSI, SETIAUSAMA DAN BENDAHARI 120 BUAH JAWATANKUASA PERHUBUNGAN MASYARAKAT KAWASAN DI SELURUH NEGARA HADIR DALAM PERSIDANGAN ITU.

SEMENTARA ITU, PENERUSI KERJA LEMBAGA PERPADUAN NEGARA, TUN V.T. SAMBANTHAN BERKATA RANCANGAN PERHUBUNGAN MASYARAKAT TELAH MULA BERKEMBANG SEHINGGA MELIPUTI 26 BUAH BANDAR DAN DIJANGKA MELIPUTI 41 BUAH BANDAR SEBELUM AKHIR TAHUN INI.

UNTUK TAHUN-TAHUN AKAN DATANG, LEMBAGA ITU BERCADANG MENUBUHKAN 11 BUAH MAJLIS SETIAP TAHUN SEHINGGA MELIPUTI SEMUA BANDAR DI NEGARA INI.

SETAKAT INI, SERAMAI 10,000 ORANG AHLI JAWATANKUASA TERLIBAT DALAM PERHUBUNGAN MASYARAKAT.

TUN SAMBANTHAN BERKATA, DALAM MELAKSANAKAN RANCANGAN TERSEBUT, BEBERAPA MASALAH SEPERTI PENGGUNAAN DEWAN ORANGRAMAI, BALAIRAYA DAN RUMAH-RUMAH PERSATUAN YANG MASIH BELUM MENCUKUPI UNTUK MENAMPUNG KEGIATANNYA SEDANG DIHADAPI.

PIHAKNYA JUGA MEMERLUKAN LEBIH BANYAK KERJASAMA DARIPADA SEKTOR-SEKTOR TERTENTU SEPERTI BADAN-BADAN SWASTA, BADAN-BADAN SUKARELA, PEMAJU-PEMAJU PERUMAHAN DAN LAIN-LAIN AGENSI YANG GIAT DALAM PERKHIDMATAN MASYARAKAT. --BERSAMBUNG 1340/AH

22

B549

### MAHATHIR 5 PULAU PINANG

TERDAHULU DARI ITU, KETIBAAN DATUK SERI DR. MAHATHIR DI JALAN TUN SYED SHEIKH BARAKHBAN BERHADAPAN DENGAN DEWAN SRI PINANG TELAH DISAMBUT DENGAN PENUH ISTIADAT DAN TRADISI MALAYSIA.

TIGA KUMPULAN MUSIK NELAYU ASLI, KELASIK INDIA DAN CHINA MENGIRINGI KEDATANGAN DR. MAHATHIR YANG DIIRINGI OLEH KETUA MENTERI, DR. LIM CHONG EU DAN TUN V.T. SAMBANTHAN.

GADIS-GADIS YANG MEMBAWA BUNGA TELOR DAN GADIS-GADIS YANG BERPAKAIAN TRADISI DARI SEMUA KAUM DAN MEWAKILI 26 MAJLIS PERHUBUNGAN MASYARAKAT TELAH MENGIRINGI DR. MAHATHIR MASUK KE DALAM ODITORIUM BESAR DEWAN SRI PINANG. --BERNAMA 1345/AH